



SMART
SELANGOR



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BULETIN 3/2020

MANUSIA & TEKNOLOGI

Apa itu Teknologi

Teknologi merupakan satu konsep yang luas dan mempunyai lebih daripada satu takrif. Takrif yang pertama ialah pembangunan dan penggunaan alatan, mesin, bahan dan proses untuk menyelesaikan masalah manusia. Istilah teknologi selalunya berkait rapat dengan rekaan dan gadget menggunakan prinsip sains dan proses terkini. Namun, rekaan lama seperti tayar masih menunjukkan teknologi.

Maksud yang kedua digunakan dalam bidang ekonomi, yang mana teknologi dilihat sebagai tahap pengetahuan semasa dalam menggabungkan sumber bagi menghasilkan produk yang dikehendaki. Oleh itu, teknologi akan berubah apabila pengetahuan teknikal kita berubah. Takrif teknologi yang diguna pakai di sekolah-sekolah dan institusi-insitusi pengajian tinggi di Malaysia ialah aplikasi pengetahuan sains yang boleh memanfaatkan serta menyelesaikan masalah manusia yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Jenis Peringkat Teknologi

- 1. TEKNOLOGI TRADISIONAL / RENDAH**
- 2. TEKNOLOGI SEDERHANA**
- 3. TEKNOLOGI MODEN / TINGGI**

TEKNOLOGI TRADISIONAL / RENDAH

Teknologi atau alat komunikasi yang dihasilkan tanpa mempunyai unsur penggabungan, dengan teknologi komunikasi yang lain. Namun, perkembangan demi perkembangan yang berlaku telah menyebabkan teknologi tradisional ini turut berkembang dengan kewujudan teknologi yang melibatkan aspek elektrik sehingga wujudnya teknologi komunikasi seperti televisyen dan radio pada lewat 20-an. Perkembangan ini terus berkembang sehingga wujud media digital, media sosial dan sebagainya.



TEKNOLOGI SEDERHANA

Teknologi yang dikembangkan oleh masyarakat yang lebih sederhana yang mampu untuk menggunanya dan dimiliki. Kegunaan teknologi ini paling menguntungkan. Contohnya generator elektrik, Industri kapal sederhana, dan industri penuaian hasil pertanian.



TEKNOLOGI MODEN / TINGGI

Teknologi ini yang paling canggih yang tersedia. Ianya hasil daripada penerapan ilmu pengetahuan terbaru. Sebagai contoh, komputer, laser, bioteknologi, satelit telekomuniksi, dan senjata nuklear.



Apa itu Manusia dan Teknologi

Interaksi antara manusia dan teknologi untuk menyelesaikan masalah atau menyempurnakan tugas. Manusia menggunakan teknologi pada hari ini untuk bersosial, melakukan jual beli dan tempahan atas talian. Mereka memilih teknologi dalam menyelesaikan tugasan harian kerana teknologi terbukti bukan sahaja telah membantu kerja-kerja di rumah menjadi semakin mudah malah di pejabat juga. Sebagai contoh, penggunaan aplikasi seperti Microsoft Word telah memudahkan pekerja di pejabat untuk membuat laporan, menaip surat dan sebagainya. Perkembangan teknologi juga telah dapat menjimatkan masa. Perkembangan pesat teknologi pengangkutan telah menjimatkan masa perjalanan dari satu destinasi ke destinasi yang lain. Antaranya, penggunaan LRT dan komuter menjadi pilihan warga kota untuk pergi dan balik dari kerja. Ianya mampu menjimatkan wang kerana penggunaan banyak minyak petrol di dalam keadaan jalan yang sesak dan sekaligus dapat mengurangkan tekanan kepada mereka yang memandu.

Dalam sektor pertanian juga, teknologi juga telah banyak membantu petani dalam mempercepatkan proses pembajakan tanah. Jika dahulu tanah dibajak dengan menggunakan cangkul dan bajak besi, ianya memerlukan banyak tenaga manusia dan memakan masa yang lama. Penggunaan alat pembajak seperti traktor telah banyak menjimatkan masa para petani. Dalam aktiviti sosial pula, kecanggihan teknologi masa kini telah memberi banyak kemudahan komunikasi kepada seluruh masyarakat di dunia. Ianya amat mudah, hanya perlu menggunakan telefon, laman media sosial, Skype, Yahoo Messenger, Email dan sebagainya. Penyaluran maklumat dapat disalurkan dengan pantas ke seluruh dunia. Jika dahulu, suratkhabar, telefon dan televisyen merupakan antara media massa yang paling penting dalam menyalurkan maklumat. Kini dengan perkembangan teknologi dalam komunikasi telah mempelbagaikan saluran untuk menyampaikan maklumat dan ianya juga lebih pantas.

Manakala, teknologi perubatan membantu mengawal dan mengubat penyakit. Perkembangan teknologi perubatan telah banyak membantu menyelamatkan manusia. Antara teknologi yang digunakan oleh perubatan ialah 'incubators'. 'Incubators' telah banyak membantu bayi yang lahir tidak cukup bulan untuk terus hidup. Begitu juga dengan penggunaan kimoterapi, ianya telah banyak membantu sesetengah pesakit kanser dalam mengubati penyakit mereka. Walaupun tidak semua pesakit kanser boleh pulih dengan sesi kimoterapi tetapi ianya memberi sedikit harapan kepada pesakit untuk terus hidup. Perkembangan teknologi pengimejan juga telah membantu dalam mengenalpasti pelbagai jenis penyakit dengan lebih cepat dan mudah. Ianya sekaligus membantu untuk kenalpasti rawatan yang diperlukan.



PROGRAM DAN AKTIVITI



<http://5spdsb.blogspot.com/>



<https://twitter.com/compdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabat.sabakbernam>



<http://www2.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



BULAN JULAI 2020



SESI PENGAUDITAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM PERINGKAT 1

6 HINGGA 8 JULAI 2020



Sesi Pengauditan Pensijilan MS ISO 9001:2015 pada peringkat 1 ini berlangsung selama 3 hari iaitu bermula pada 6 Julai hingga 8 Julai 2020. Sesi ini bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Pejabat Daerah Sabak Bernam (PDTSB).

BULAN OGOS 2020



PROGRAM MERDEKA @ KOMUNITI K.A.M.I PRIHATIN PERINGKAT DAERAH SABAK BERNAM

15 OGOS 2020



Program ini telah dirasmikan Yang Berhormat Muslimin Yahya, ahli Parlimen Sungai Besar. Pegawai Daerah merupakan tetamu yang turut hadir pada program tersebut. Tujuan Program adalah untuk memupukkan semangat patriotik di kalangan masyarakat. Tonggak 9 merupakan tempat berlangsungnya program ini.

PROGRAM KAYUHAN INSPIRASI BELIA

20 OGOS 2020




Kayuhan Inspirasi Belia bersama Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) ini berlangsung pada 29 September 2020. Kayuhan ini bermula di Dataran Patriotik PDTSB dan berakhir di Pasar Jerami Parit 14 BanKenal Simpang 5. Pelepasan Kayuhan ini telah dirasmikan Tuan Pegawai Daerah.

BULAN SEPTEMBER 2020



TAKLIMAT JOM GANDAKAN SIMPANAN DAN HAK ANDA DALAM HARTA PUSAKA

1 SEPTEMBER 2020



Taklimat ini bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka PDTSB. Tujuan program ini adalah untuk mendedahkan ilmu dalam kalangan warga PDTSB mengenai cara yang efektif untuk menggandakan simpanan dan hak mereka dalam harta pusaka.

TAKLIMAT PENERANGAN ISU ANCAMAN AKIDAH DAN PROGRAM DERMA DARAH

29 SEPTEMBER 2020



Taklimat Penerangan Isu Ancaman Akidah merupakan program bimbingan kepada warga PDTSB untuk mengenal pasti antara ancaman-ancaman akidah yang berlaku di sekeliling kita. Taklimat berlangsung bersama dengan program derma darah yang dianjurkan oleh Hospital Teluk Intan. Kedua-dua program ini dijalankan di Dewan Sri Bernam.

JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA

**TUAN NASIR BIN MAMAT, S.I.S,K.M.W,A.M.N
ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD
ENCIK MUHAMMAD REDZUANN BIN ANUAR
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL
PUAN NORDIYANA BINTI ABDUL RANI
PUAN LAMISAH BINTI MOHD BIBET
MOHD HISHAMMUDDIN BIN HAJI JAAFAR
ENCIK HAIZUDDIN BIN KASRAN**

DAN

**SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK
YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN
BULETIN PDTSB BIL.03/2020
(JULAI HINGGA SEPTEMBER 2020)**

